

03/06/2001

Siapa pengganti Daim?

Zainuddin Ayip

DENGAN pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, berakhirlah spekulasi mengenai peletakan jawatan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin.

Kini, timbul cerita lain pula iaitu siapa yang bakal menggantikan Daim dan mengapa beliau meletakkan jawatan. Adakah kerana hubungannya dengan Perdana Menteri semakin renggang atau Daim sendiri kurang selesa dengan orang tertentu di dalam kabinet dan parti.

Mungkinkah Daim mahu meninggalkan dunia politik dan seterusnya bergiat sepenuh masa sebagai usahawan? Jawapan ini hanya diketahui Daim seorang.

Apa yang pasti dalam masa terdekat ini, Dr Mahathir akan membuat rombakan kabinet. Perdana Menteri sudah ada calon yang paling sesuai, cuma menunggu masa untuk mengumumkannya.

Kemungkinan besar Tengku Razaleigh Hamzah akan dilantik semula memegang tampuk Menteri Kewangan atau muka baru iaitu Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri Abdul Aziz dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin. Mungkin juga Perdana Menteri ada pilihan sendiri yang boleh saja mengejutkan ramai pihak.

Kemasukan Tengku Razaleigh dalam kabinet mungkin ada kaitan dengan ketiadaan wakil kerajaan dari Kelantan. Malah, Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Mustapha Muhamad dilaporkan berkata, pembangunan negeri itu sukar dilaksanakan dengan lancar kerana ketiadaan orang Kelantan dalam kabinet.

Dalam pada itu, jawatan Menteri dengan Tugas-tugas Khas yang disandang Daim sebelum ini mungkin dimansuhkan. Malah beliau mungkin melepaskan jawatan Bendahari Umno dan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).

Daim yang mungkin mengekalkan kerusi Parlimen Merbok, kini menjadi buruan media untuk mendapatkan pengesahan lanjut mengenai peletakan jawatannya. Namun, sehingga petang semalam orang yang rapat dengan beliau memberitahu Daim tidak mahu ulas apa-apa.

Surat peletakan jawatan Daim yang dihantar kepada Dr Mahathir kelmarin tidak menyatakan sebab mengapa beliau meletakkan jawatan. Surat itu cuma menamatkan spekulasi yang bermula apabila beliau mengambil cuti dua bulan yang berakhir Khamis lalu.

"Dua bulan dulu dia minta nak letak jawatan, saya suruh dia pergi cuti dulu dan fikir semula keputusan dia nak berhenti," kata Perdana Menteri. Kini, Daim sudah berfikir semasak-masaknya dengan melepaskan jawatan Menteri Kewangan.

Sebelum meletakkan jawatan, menurut sumber yang rapat dengan Daim, beliau mengadakan pertemuan dengan pegawai kanan Kementerian Kewangan baru-baru ini, bagi menjelaskan alasan beliau membuat keputusan sedemikian.

"Beliau menjelaskan, keputusannya untuk meletak jawatan adalah disebabkan ingin menumpukan perhatian kepada kehidupan peribadi dan meninggalkan dunia politik.

"Ia tak ada kena mengena dengan spekulasi yang mengatakan beliau bergaduh dengan Perdana Menteri. Hubungan Daim dengan Dr Mahathir sangat baik. Malah, Dr Mahathir berasa sedih dengan keputusannya ini.

"Sebenarnya, hasrat Daim meletak jawatan sudah lama iaitu sejak pilihan raya umum lalu, tetapi Perdana Menteri tidak izinkan," kata sumber itu lagi.

Sebab itulah walaupun sedang bercuti, beliau masih ke pejabat bagi membereskan semua fail pembangunan kecuali tidak menghadiri mesyuarat Kabinet dan Majlis Tertinggi Umno. Sepanjang percutiannya beliau diwakili Menteri Pembangunan Usahawan.

Bagaimanapun isu yang semakin panas itu menjadi teka-teki apabila Perdana Menteri, kelmarin menolak spekulasi berhubung peletakan jawatan itu kerana belum menerima surat mengenainya sekembalinya beliau daripada menghadiri sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) di Jakarta.

Daim, anak kelahiran Seberang Perak, Alor Star, Kedah pernah menyandang Menteri Kewangan pada 1984 hingga 1991. Beliau kembali semula ke Kabinet pada Jun 1998 sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas untuk memulihkan ekonomi negara ketika itu.

Daim kemudian dilantik sebagai Menteri Kewangan pada Januari 1999 selepas pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Beliau dikatakan pakar yang mengetahui ekonomi negara dari A hingga Z.

Sebenarnya, sumbangan Daim kepada pembangunan ekonomi negara bukan kecil. Sebagai rakan dalam Kabinet, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak dapat melihat sumbangan beliau mengatasi kemelesetan ekonomi.

Langkah-langkah yang diambil termasuk membantu Perdana Menteri dalam penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) meletakkan ekonomi negara atas landasan yang lebih kukuh.

"Kita berharap Tun Daim dapat terus berbakti kepada parti dan negara," kata Najib yang juga Naib Presiden Umno.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, Daim tahu ekonomi negara dan beliau salah seorang yang bertanggungjawab menyelamatkan ekonomi negara ketika krisis ekonomi berlaku.

Apa pun, semua pihak harus menghormati keputusan Daim. Beliau memang sudah masak berpolitik dan keputusannya juga dibuat dengan semasak-masaknya.

Parti pembangkang tidak harus mengambil kesempatan dengan peletakan jawatan Daim dengan membuat andaian dan tohmahan yang bukan-bukan.

Apa yang pasti, pengganti Daim akan membantu Perdana Menteri untuk memastikan ekonomi negara berkembang dan kedudukan Barisan Nasional terus kukuh dan stabil.

(END)